   (b) Melindungi dan mempertahankan hak-hak masyarakat tempatan.
4. Sir Rutherford Alcock merupakan Presiden pertama dan Alfred Dent sebagai pengarah urusan.
5. Kuasa sebenar syarikat terletak di tangan pemodal di London.
6. Sistem birokrasi di Sabah pula diterajui oleh Gabenor yang berperanan memastikan usaha syarikat untuk mengaut keuntungan.

## 5.6 Bentuk Pentadbiran Barat di Sarawak dan Sabah

1. Pembahagian wilayah.
2. Pengekalan pembesar tempatan.
3. Pentadbiran yang berhierarki.
4. Pentadbiran berasaskan kaum.
5. Pelaksanaan undang-undang Barat dan tempatan.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# BAB 6 Kesan Pentadbiran Barat terhadap Ekonomi dan Sosial

## 6.1 Ciri-ciri Ekonomi Moden

1. Memerlukan modal yang besar untuk tujuan eksport.
2. Memerlukan tanah yang luas untuk keperluan tanaman ladang secara besar-besaran.
3. Menggunakan teknologi moden dalam sektor perlombongan dan penanaman secara ladang.
4. Menggunakan tenaga kerja yang ramai, khususnya dalam sektor perlombongan dan perladangan.
5. Menghasilkan barangan dalam skala yang besar untuk dieksport ke pasaran antarabangsa.

## 6.2 Pentadbiran Barat Berkaitan dengan Ekonomi

1. Undang-undang berkaitan dengan tanah
   (a) Akta Tanah Simpanan Melayu
   (b) Sarawak Land Order
   (c) Proklamasi III Perlindungan Hak Peribumi Sabah
2. Perundangan berkaitan dengan buruh
   (a) Sistem Kontrak dan Sistem Kangani
   (b) Jabatan Hal Ehwal Cina
   (c) Ordinan Buruh Kontrak 1882
3. Penubuhan jabatan dan agensi kerajaan
   (a) Jabatan Kerja Raya (1872)
   (b) Jabatan Pertanian (1905)
   (c) Institut Penyelidikan Getah Malaya (RRIM) (1926)
   (d) Jabatan Parit dan Tali Air (1931)
   (e) Jabatan Pos dan Telegraf
   (f) Jabatan Kereta Api Tanah Melayu
   (g) Penubuhan jabatan kerajaan di Sarawak dan Sabah bagi kemudahan pos, telegraf dan kegiatan pertanian
4. Kewujudan syarikat
   (a) Syarikat perwakilan (Agency House)
   (b) Syarikat perdagangan seperti Boustead and Company, Harrison & Crossfield dan Sime Darby
5. Pewujudan sistem kewangan dan insurans
   (a) Penggunaan mata wang perak Sepanyol (1580).
   (b) Penubuhan Lembaga Pesuruhjaya Wang untuk mengeluarkan wang kertas.
   (c) Sistem perbankan - Merchantile Bank, Pulau Pinang (1859) Hong Kong and Shanghai Bank, Pulau Pinang (1884), The Chartered Bank, Jalan Raja Kuala Lumpur (1888) dan Ban Hin Lee Bank, Pulau Pinang (1935).
   (d) Syarikat insurans seperti Syarikat Royal Insurance Company (1860), Khean Guan Insurance (1885) dan Commercial Union (1919).

## 6.3 Kesan Ekonomi Akibat Pentadbiran Barat di Negara Kita

1. Perkhidmatan kereta api diperkenalkan untuk mengeksploitasi kekayaan ekonomi.
2. Pengangkutan kereta api di negeri-negeri Melayu menghubungkan kawasan lombong dengan pelabuhan serta menghubungkan bandar (1885 – 1896), menghubungkan utara Tanah Melayu dan selatan (1897 – 1909) serta menghubungkan seluruh Tanah Melayu (1910 – 1931).
3. Pembinaan landasan kereta api di Sabah dimulakan di Bukau (1896) dan menghubungkan Beaufort dengan Jesselton dan Tenom (1900).
4. Pembinaan landasan kereta api di Sarawak menghubungkan Bau dengan Kuching pada tahun 1917.
5. British membina jalan raya untuk menghubungkan kawasan perlombongan bijih timah dan kawasan pertanian dengan stesen kerata api.
6. Perkhidmatan penerbangan awam diperkenalkan di negeri-negeri Melayu oleh Syarikat Wearne Air Service (1937).
7. Penubuhan Syarikat Straits Steamship di Singapura (1890) menyediakan perkhidmatan kapal wap.
8. Di Kuching, perkhidmatan perkapalan disediakan oleh Singapore and Sarawak Steamship Company.
9. Di Sabah, syarikat perkapalan Straits Steamship memulakan perkhidmatan mengangkut barang dan penumpang.
10. Pelabuhan Pulau Pinang, Kuala Sepetang, Port Dickson, Melaka, Singapura dan Klang menjadi bandar pelabuhan yang penting di Tanah Melayu.
11. Pelabuhan penting di Sarawak seperti Kuching, Rajang, Bintulu dan Miri.
12. Di Sabah pula muncul pelabuhan Labuan, Kota Kinabalu, Tawau, Lahad Datu dan Sandakan.
13. Kemajuan sektor telekomunikasi seperti sistem pos, telegraf, telefon dan radio menjadikan perhubungan antara negeri lebih pantas.

## 6.4 Kesan Sosial Akibat Perkembangan Ekonomi di Negara Kita

1. Kemunculan bandar baharu seperti Kuala Lumpur, Seremban, Taiping dan Ipoh.
2. Perkembangan bandar di Sarawak seperti Kuching, Sibu dan Miri.
3. Kemunculan bandar di Sabah seperti Jesselton dan Kota Kinabalu.
4. Pembentukan masyarakat berbilang kaum, iaitu orang Melayu, Cina dan India.
5. Kemunculan sistem pendidikan vernakular, iaitu sekolah vernakular Melayu, sekolah vernakular Cina dan sekolah vernakular Tamil serta sekolah Inggeris.
6. Pembangunan perkhidmatan perubatan untuk mengawal wabak penyakit berjangkit.
7. Pembinaan penjara bagi menempatkan banduan.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# BAB 7 Penentangan Masyarakat Tempatan

## 7.1 Matlamat Penentangan Masyarakat Tempatan

1. Mempertahankan hak dan kedudukan pemerintah tempatan.
2. Mengembalikan serta mengekalkan sistem pentadbiran tradisional seperti yang sedia ada.
3. Menentang dasar pentadbiran dan peraturan baharu yang menyusahkan kehidupan rakyat tempatan.

## 7.2 Bentuk Penentangan Masyarakat Tempatan

1. Penentangan bersenjata – Dol Said di Naning, Yamtuan Antah di Negeri Sembilan, Dato' Bahaman di Pahang, Rentap dan Sharif Masahor di Sarawak, Tok Janggut di Kelantan serta Mat Salleh dan Mat Sator di Sabah.
2. Mencabar perjanjian – Dato' Maharaja Lela di Perak.
3. Menggunakan sistem perundangan – Haji Abdul Rahman Limbong di Terengganu.
4. Perjuangan dipimpin oleh bangsawan, pembesar tempatan dan pemimpin agama serta disokong oleh masyarakat tempatan.

## 7.3 Kesan Sistem Pentadbiran Barat terhadap Kuasa Pemerintahan Masyarakat Tempatan

1. Pentadbiran tempatan semakin terhakis.
2. Kuasa perundangan tempatan digantikan dengan perundangan Barat.
3. Kewangan tempatan terjejas.

## 7.4 Kesan Sistem Pentadbiran Barat terhadap Kehidupan Masyarakat Tempatan

1. Rakyat mengalami kesengsaraan.
2. Rakyat terpaksa membayar cukai yang tinggi.
3. Rakyat menghadapi masalah membayar cukai.
4. Peraturan bercanggah dengan nilai tempatan.
5. Layanan yang tidak adil.

## 7.5 Kekuatan Penentangan Masyarakat Tempatan terhadap Kuasa Barat

1. Muafakat antara pembesar
   (a) Pakatan sulit antara Sultan Abdullah, Ngah Ibrahim, Dato' Maharaja Lela, Dato' Sagor dan pembesar Melayu lain.
   (b) Pakatan Sharif Masahor dengan Dato' Patinggi Abdul Ghafur.
2. Kubu pertahanan
   (a) Yamtuan Antah – Kekuatan kubu di Paroi dan Kubu Bukit Putus.
   (b) Rentap – Kekuatan kubu di Bukit Sadok.
   (c) Mat Sator – Kekuatan kubu Kota Mat Sator.
3. Penggunaan teknologi senjata
   (a) Angkatan tentera yang membantu Dol Said menggunakan senapang jenis *flintlock* dan *snider riffles*.
   (b) Menggunakan meriam kecil (lela rentaka).
4. Perundangan sedia ada
   (a) Haji Addul Rahman Limbong berhujah bahawa tanah yang dikerjakan oleh mereka ialah "Hak Allah SWT" dan rakyat bebas mengerjakannya.
   (b) Beliau menyatakan bahawa sistem percukaian yang diperkenalkan oleh British bertentangan dengan hukum syarak.

## 7.6 Kelemahan Penentangan Masyarakat Tempatan terhadap Kuasa Barat

1. Mengalami penentangan bersenjata yang hebat dari British.
2. Ancaman perundangan Barat.
3. Gagal mentafsir perjanjian.
4. Menghadapi tipu muslihat kuasa Barat.

## 7.7 Faktor Kegagalan Penentangan Masyarakat Tempatan

1. Penentangan bersifat setempat.
2. Sokongan tidak menyeluruh dan kurang sokongan daripada pihak istana.
3. British menggunakan pengaruh istana untuk memadamkan kebangkitan masyarakat tempatan.
4. Kelemahan teknologi pejuang tempatan.
5. British menggunakan pelbagai strategi untuk mengatasi kebangkitan masyarakat tempatan.
6. British berpakat dengan kuasa Belanda untuk memadamkan kebangkitan masyarakat tempatan.

## 7.8 Kesan Penentangan Masyarakat Tempatan

1. Kesan terhadap pentadbiran British
   (a) British mengalami kerugian akibat peperangan.
   (b) British lebih berhati-hati dalam pentadbiran.
   (c) British merombak semula skim penempatan pegawai.
   (d) Pemantapan kuasa Barat. British menguasai seluruh negeri Melayu, Dinasti Brooke berjaya meluaskan pengaruh di Sarawak dan SBUB menguasai Sabah.
2. Kesan terhadap masyarakat tempatan
   (a) Pembesar tempatan hilang jawatan, kedudukan, maruah dan dibuang negeri.
   (b) Kedudukan raja dan pembesar Melayu diberikan perhatian oleh British.
   (c) Penentangan tersebut menjadi inspirasi kepada perjuangan kemerdekaan tanah air.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# BAB 8 Kebijaksanaan Raja dan Pembesar Melayu Menangani Cabaran Barat

## 8.1 Reaksi Pemerintah Negeri-negeri Melayu Utara dan Johor terhadap Tindakan Barat

1. Perjanjian Bangkok 1909 memecahbelahkan wilayah negeri-negeri Melayu utara.
2. British dan Siam bersetuju menjadikan legeh dan lembah sungai sebagai pembahagian atau garisan sempadan berdasarkan Protokol Sempadan Perjanjian Bangkok.
3. Reaksi pemerintah Perlis terhadap Perjanjian Bangkok 1909:
   (a) Perlis kehilangan wilayah Pujoh yang terletak di sebelah utara Sungai Perlis kepada Siam.
   (b) Raja Syed Alwi Jamalullail membantah tindakan Siam mengambil wilayah Pujoh sebagai wilayahnya.
4. Reaksi pemerintah Kedah terhadap Perjanjian Bangkok 1909:
   (a) Kedah kehilangan wilayah Sadao, Setul, Pulau Terutau, Butang dan pulau-pulau sekitarnya kepada Siam.
   (b) Sultan Abdul Hamid Halim Shah tidak akan memaafkan pihak yang menjual negeri Kedah seperti menjual seekor lembu.
5. Reaksi pemerintah Terengganu terhadap Perjanjian Bangkok 1909:
   (a) Sultan Zainal Abidin III mengecam tindakan Siam menyerahkan Terengganu kepada British tanpa pengetahuan baginda.
   (b) Pada 24 Mei 1909, baginda mengemukakan bantahan kepada Gabenor Negeri-negeri Selat.
6. Reaksi pemerintah Kelantan terhadap Perjanjian Bangkok 1909:
   (a) Sultan Muhammad IV telah menolak perjanjian tersebut.
   (b) Baginda turut kecewa dengan tindakan British menyerahkan wilayah Tabal kepada Siam.
7. Kebijaksanaan pemerintah Johor, Temenggung Daeng Ibrahim (1825 – 1862 ) menyekat kemaraan British.
   (a) Menjamin keselamatan perairan Johor dan Singapura untuk perdagangan.
   (b) Memindahkan pusat pentadbiran Johor dari Teluk Belanga di Singapura ke Tanjung Puteri untuk mengelakkan tekanan British.
   (c) Memodenkan pentadbiran negeri melalui birokrasi moden.
   (d) Memperkenalkan Sistem Kangcu dengan menggalakkan kemasukan orang Cina untuk mengusahakan tanaman lada hitam dan gambir.
   (e) Mengeksploitasi hasil hutan.

## 8.2 Tindakan Raja Melayu dalam Menangani Cabaran Barat

1. Tuntutan raja Melayu melalui Durbar.
   (a) Durbar Kuala Lumpur 1903
   (b) Durbar di Pekan, Pahang 1932
   (c) Durbar di Klang, Selangor 1937
   (d) Durbar di Seri Menanti, Negeri Sembilan 1939
2. Menangani tekanan British melalui diplomasi.
   (a) Sultan Abu Bakar Johor mengadakan hubungan baik dengan kerajaan Negeri-negeri Selat, bertemu dengan Ratu Victoria dan menubuhkan Lembaga Penasihat Johor di London.
   (b) Sultan Zainal Abidin III menandatangani Perjanjian British-Terengganu 1910.
3. Pemerintah Negeri-negeri Melayu Utara enggan menerima Penasihat British.
4. Menggubal Undang-undang Tubuh Kerajaan Johor dan Undang-undang Bagi Diri Kerajaan Terengganu.
5. Raja menerajui pemodenan negeri.
   (a) Sultan Abu Bakar meneruskan pemodenan Temenggung Daeng Ibrahim.
   (b) Sultan Abdul Hamid Halim Shah (1882 – 1943) melaksanakan pemodenan negeri.

## 8.3 Usaha Pembesar Melayu dalam Pemodenan Negeri

1. Membangunkan sosioekonomi – Long Jaafar dan Tengku Menteri Ngah Ibrahim, usahawan bijih timah memajukan daerah Larut, Matang.
2. Menjayakan pembangunan pertanian – Pembinaan terusan oleh Wan Muhammad Saman.
3. Melaksanakan pembangunan bandar – Dato' Muhammad Salleh bin Perang melukis peta lengkap negeri Johor bagi memudahkan pembangunan.
4. Ahli Majlis Mesyuarat Persekutuan menuntut pembentukan Rejimen Askar Melayu Diraja dan mendesak peluang pekerjaan dibuka kepada anak-anak watan.
5. Peranan kepimpinan tempatan di Sarawak, iaitu Datuk Hakim Imam Abang Haji Murshidi dan di Sabah, iaitu Orang Kaya-Kaya Haji Mohammad Arshad.

## 8.4 Keberkesanan Peranan Pemerintah Tempatan dalam Menangani Cabaran Barat

1. Negeri berkembang makmur.
2. Berjaya melambatkan peluasan kuasa British.
3. Mencapai kemajuan pendidikan.
4. Berjaya menubuhkan Rejimen Askar Melayu Diraja.
5. Membentuk Pegawai Tadbir Melayu.
6. Berjaya mempertahankan institusi beraja.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# BAB 1 Kedatangan Kuasa Barat

## 1.1 Kestabilan dan Kemakmuran Negara Kita

Buku Teks ms. 4 – 9



**1.** Gariskan jawapan yang betul.

SP 7.1.1

(a) Negara kita mengamalkan sistem pemerintahan ( demokrasi : beraja ) yang diwarisi daripada Kesultanan Melayu Melaka.

(b) Raja atau sultan mengetuai pentadbiran pada peringkat ( jajahan : negeri ).

(c) Raja atau sultan menjadi lambang ( kedaulatan / kekayaan ) negeri.

(d) Pemerintahan sultan dibantu oleh ( ulama : kerabat diraja ) dan para pembesar.

(e) Jajahan dan ( mukim / daerah ) ditadbir oleh pembesar yang dilantik oleh sultan bagi menjaga keamanan di kawasan masing-masing.

(f) Penghulu atau ( Penggawa : Lembaga ) mengetuai pentadbiran pada peringkat kampung.

**2.** Lengkapkan ayat di bawah berkaitan dengan kestabilan negara kita.

SP 7.1.1

**Sistem pemerintahan**

(a) Sistem pemerintahan Beraja diamalkan di negeri-negeri Melayu, kecuali Negeri Sembilan, Sarawak dan Sabah.

(b) Negeri Sembilan mengamalkan sistem pemerintahan yang diketuai oleh Yamtuan Besar atau Yang di-Pertuan Besar.

(c) Masyarakat di Sarawak mengamalkan sistem pemerintahan kesukuan dan kesultanan.

(d) Sistem pemerintahan kesukuan, kesultanan dan ketua bebas diamalkan di Sabah.

**Sistem perundangan**

(e) Terdapat dua sistem perundangan, iaitu undang-undang bertulis dan undang-undang tidak bertulis.

(f) Undang-undang tidak bertulis terdiri daripada Adat Perpatih dan Adat Temenggung.

(g) Undang-undang bertulis terdiri daripada *Hukum Kanun Melaka*, *Undang-Undang 99 Perak* dan *Hukum Kanun Pahang*.

(h) Di Sarawak dan Sabah, masyarakat mengamalkan peraturan hidup dan undang-undang adat secara turun-temurun melalui kepercayaan suku kaum masing-masing.

INFO
Sejarah Adat Perpatih dan Adat Temenggung

**Hubungan luar**

(i) Hubungan luar terjalin dalam tiga bentuk, iaitu ekonomi, politik dan sosial.

(j) Jalinan hubungan luar oleh negeri-negeri Melayu membolehkan mereka meluaskan pengaruh, melindungi daripada ancaman musuh, memajukan ekonomi negeri serta menstabilkan sistem pemerintahan.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**3.** Lengkapkan peta pokok berikut berkaitan dengan kemakmuran negara kita yang menyebabkan kedatangan kuasa Barat.
SP 7.1.1

TP 1

*i-Think* Peta Pokok

**Kemakmuran negara**

| Hasil galian | Hasil hutan | Hasil laut |
|---|---|---|
| (a) Bijih timah | (d) Kayu-kayan / Rotan | (i) Sirip ikan yu |
| (b) Emas | (e) Damar / Kapur barus | (j) Timun laut |
| (c) Perak | (f) Getah jelutung | (k) Rumpai laut |
| | (g) Kayu cendana | (l) Mutiara |
| | (h) Kayu gaharu | |

**4.** Lengkapkan maklumat berikut berkaitan dengan sistem ekonomi negara kita.
SP 7.1.1

**Perdagangan dan pelabuhan**

(a) Negeri-negeri Melayu berjaya menjalankan kegiatan perdagangan kerana terdapat pelabuhan yang terletak di muara sungai yang strategik.

(b) Syahbandar dilantik untuk mengurus pelabuhan.

**Sistem timbang, sukat dan ukur**

(c) Masyarakat Melayu menggunakan sistem sukat seperti kepul, leng, kal, cupak dan gantang.

(d) Orang Melayu memakai sistem timbangan dari pedagang China, iaitu kati, tahil dan pikul.

(e) Bagi timbangan emas dan perak, orang Melayu menggunakan timbangan pedagang India seperti saga, mayam, bungkal dan kati.

(f) Sukatan baharu seperti auns, paun, tan dan gelen digunakan pada zaman British.

**Mata wang**

(g) Pada peringkat awal, perdagangan dijalankan secara tukar barang / sistem barter.

(h) Kemudian, mata wang yang diperbuat daripada timah dan emas digunakan.

**Sistem percukaian**

(i) Cukai ialah bayaran yang dikenakan ke atas hasil perlombongan, pertanian, hasil hutan dan perdagangan.

(j) Cukai merupakan sumber pendapatan pemerintah dan akan disalurkan untuk memakmurkan negeri.

**5.** Lengkapkan peta dakap berikut berkaitan dengan ciri-ciri pendidikan tidak formal dalam masyarakat Melayu.
SP 7.1.1

kemahiran | maruah | adat resam | berhemah tinggi | keluarga | pantang larang

*i-Think* **Peta Buih**

**Ciri-ciri pendidikan tidak formal**

(a) Pendidikan awal yang berlaku dalam institusi keluarga.

(b) Berkaitan dengan agama, kelakuan dan adat resam.

(c) Mempelajari kemahiran seperti bercucuk tanam, menangkap ikan dan bertukang.

(d) Mengajar cara berkawan, berpekerti mulia dan menjaga maruah.

(e) Disampaikan melalui pantun, peribahasa, cerita rakyat dan pantang larang.

(f) Melahirkan individu yang berakhlak mulia dan berhemah tinggi.

**6.** Jelaskan sistem pendidikan formal dalam masyarakat Melayu.
SP 7.1.1

| Lokasi | Aspek pendidikan |
|---|---|
| (a) Istana | Pendidikan meliputi hal pentadbiran negara dan sistem politik. |
| (b) Masjid dan surau | Murid-murid mempelajari cara bacaan dalam solat, tajwid, hadis, fekah dan usuludin. |
| (c) Pondok | Mata pelajaran yang diajar ialah al-Quran, hadis dan bahasa Arab. |
| (d) Madrasah | Sistem pendidikan mengikut sukatan pelajaran dan dilaksanakan secara kelas. |
| (e) Masjid dan sekolah agama di Sarawak | Murid belajar membaca al-Quran dan menulis tulisan jawi. |
| (f) Surau, pondok dan rumah guru agama di Sabah | Murid-murid belajar membaca al-Quran dan menulis tulisan jawi. |

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## 1.2 Faktor Kedatangan Kuasa Barat ke Negara Kita

*Buku Teks ms. 10 – 15*

**7.** Lengkapkan ayat di bawah dengan jawapan yang betul. **TP 3**

SP 7.1.2

(a) Pada abad ke-16, kuasa Portugis dan Sepanyol telah berjaya menjelajah ke luar benua Eropah.

(b) Mereka berjaya membina empayar perdagangan serta menguasai jalan perdagangan di Lautan Hindi.

(c) Pada abad ke-17, kuasa penjajah Barat melibatkan Belanda, Britain dan Perancis bangkit untuk merebut kekayaan dan tanah jajahan di seberang laut.

(d) Alam Melayu menjadi sasaran mereka kerana kaya dengan sumber rempah-ratus.

(e) Pada tahun 1600, British menubuhkan Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI).

(f) Belanda menubuhkan Syarikat Hindia Timur Belanda pada tahun 1602 dan Perancis menubuhkan Syarikat Hindia Timur Perancis pada tahun 1664.

**8.** Huraikan faktor-faktor kedatangan kuasa Barat pada abad ke-16. **TP 2**

SP 7.1.2

(a) Barangan mewah

(i) Kuasa Barat ingin mendapatkan bahan seperti rempah-ratus, minyak wangi, emas, perak, batu permata, gading dan hasil hutan.

(ii) Mereka juga perlu mendapatkan barangan mewah dari China seperti teh, sutera dan tembikar.

(b) Pusat pengumpulan barang

(i) Pedagang China memerlukan barangan dari Kepulauan Melayu seperti emas, perak, bijih timah dan rempah-ratus.

(ii) Syarikat perdagangan Eropah memerlukan pusat pengumpulan bahan mentah tempatan yang terletak di tengah-tengah laluan perdagangan di antara India dan China.

(c) Pelabuhan persinggahan

(i) Kuasa Barat memerlukan pelabuhan yang sesuai sebagai tempat perlindungan sementara menunggu peralihan angin monsun.

(ii) Mereka memerlukan pelabuhan singgah di Alam Melayu untuk memudahkan kapal berlabuh, mengisi bekalan air, makanan serta membaiki kapal sebelum belayar ke Canton.

(d) Agama Kristian

(i) Melalui penjelajahan dan penjajahan kuasa Barat di Alam Melayu, mereka berusaha untuk menyebarkan agama Kristian ke Alam Melayu.

(ii) Matlamat penjajahan mereka dapat diungkapkan sebagai kekayaan, keagamaan dan kemasyhuran.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**9.** Sejak abad ke-17, Revolusi Perindustrian telah berlaku di Britain.
SP 7.1.2

MAHIR UASA TP 2

CETUS IDEA

TUTORIAL

Kedatangan Barat pada abad ke-17 hingga abad ke-20



(a) Apakah yang anda faham tentang Revolusi Perindustrian?

Revolusi Perindustrian membolehkan barangan kilang dikeluarkan secara besar- besaran.

(b) Selain Britain, namakan **dua** negara Eropah lain yang turut mengalami Revolusi Perindustrian.

(i) Jerman

(ii) Perancis

(c) Jelaskan perubahan dasar kuasa-kuasa Barat selepas Revolusi Perindustrian.

Kuasa Barat mula menguasai tanah jajahan di luar Eropah.

Mereka memerlukan pusat perdagangan dan pusat pembekalan bahan mentah bagi keperluan kilang perusahaan mereka secara berterusan.

Mereka juga memerlukan pasaran yang lebih luas untuk memasarkan barangan kilang mereka.

**10.** Lengkapkan rajah berikut berkaitan dengan faktor-faktor kedatangan kuasa Barat ke negara kita pada abad ke-19 dan ke-20.
SP 7.1.2

TP 2

**Faktor-faktor kedatangan kuasa Barat pada abad ke-19 dan ke-20**

(a) Keperluan getah asli kesan perkembangan industri kereta.

(b) Kesuburan tanah dan kekayaan hasil bumi negara kita.

(c) Keperluan bijih timah kesan perkembangan industri mengetin.

(d) Pembukaan Terusan Suez telah mempercepat urusan perdagangan.

(e) Ciptaan kapal wap memudahkan pengangkutan barang dagangan.

(f) Persaingan kuasa-kuasa Barat untuk mendapatkan tanah jajahan.

(g) Ciptaan telegraf memudahkan perhubungan.

(h) Peluasan kuasa melalui slogan "Beban Orang Putih".

KBAT EKSTRA

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# 1.3 Persaingan Kuasa Barat untuk Mendapatkan Tanah Jajahan

*Buku Teks ms. 16*

eP+ NOTA VISUAL Persaingan Kuasa Barat untuk Mendapatkan Tanah Jajahan

**11.** Lengkapkan ayat di bawah berkaitan dengan kuasa-kuasa Barat yang berlumba mendapatkan tanah jajahan.
SP 7.1.3 **TP 3**




TUTORIAL

Peluasan Kuasa Barat di Asia Tenggara

(a) Perancis meluaskan kuasanya di Indochina dan merancang untuk membina terusan di Segenting Kra.

(b) Rusia berhasrat membuka petempatan di Ujung Salang.

(c) Jerman berusaha mendapatkan Pulau Langkawi.

(d) Belanda berusaha menguasai seluruh Kepulauan Hindia Timur.

(e) Portugis berusaha mendapatkan Timor Leste.

(f) Amerika Syarikat ingin bertapak di Terengganu.

(g) British menjadikan Kesultanan Brunei sebagai negeri naungannya.

(h) Keluarga Brooke menguasai wilayah Sarawak dan memperluas kawasan pemerintahan hingga sempadan Brunei.

(i) Syarikat Borneo Utara British membeli wilayah-wilayah Sabah daripada Sultan Brunei dan Sultan Sulu.

(j) Sepanyol menakluk Kesultanan Sulu.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## 1.4 Perbezaan Strategi Kuasa Barat untuk Menguasai Negara Kita

*Buku Teks ms. 18 – 21*

**12.** Lengkapkan petikan berikut berkaitan dengan perubahan dasar British daripada tidak campur tangan kepada campur tangan di negeri-negeri Melayu.
**SP 7.1.4** **TP 4**

Pada tahun 1873, pucuk pimpinan kerajaan Britain diambil alih oleh (a) Parti Konservatif daripada (b) Parti Liberal. Kerajaan baharu ini menukarkan dasar tidak campur tangan kepada dasar (c) campur tangan British di negeri-negeri Melayu.

Dasar campur tangan merujuk kepada penglibatan British secara langsung dalam (d) pentadbiran di negeri-negeri Melayu. Langkah ini diambil setelah kerajaan British menerima desakan daripada (e) pedagang Negeri-negeri Selat untuk campur tangan bagi memelihara kepentingan (f) pelaburan mereka.

Andrew Clarke yang menggantikan (g) Harry Ord sebagai Gabenor Negeri-negeri Selat berusaha mencari alasan untuk memaksa pemerintah tempatan supaya menerima (h) naungan dan campur tangan British.

**13.** Lengkapkan peta buih berganda berikut bagi menunjukkan perbandingan strategi yang digunakan oleh Belanda dan British dalam usaha menguasai negara kita.
**SP 7.1.4** **TP 4**

*i-Think* **Peta Buih Berganda**





© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**14.** Berdasarkan peristiwa berikut, nyatakan strategi yang digunakan oleh Belanda untuk mengatasinya.

SP 7.1.4

TP 4

CETUS IDEA

Serangan fizikal | Perjanjian | Pakatan

| Peristiwa | Strategi |
|---|---|
| (a) Berkonflik dengan penduduk di Pulau Pangkor pada tahun 1650 dan Kuala Perak pada tahun 1651 berikutan dasar monopoli bijih timah oleh Belanda. | Serangan fizikal |
| (b) Memaksa Sultan Selangor untuk menjual bijih timah kepada Belanda pada tahun 1786. | Perjanjian |
| (c) Bertindak ke atas Selangor dan Rembau pada tahun 1763 bagi mengelakkan penguasaan Selangor ke atas Selat Melaka. | Serangan fizikal |
| (d) Bersama-sama angkatan Johor untuk mengalahkan Portugis di Melaka pada tahun 1641. | Pakatan |
| (e) Berusaha untuk mendapatkan bijih timah di negeri Perak pada tahun 1650. | Perjanjian |
| (f) Masalah perebutan perairan Selat Melaka dengan Johor dan Selangor pada tahun 1784. | Serangan fizikal |
| (g) Berpakat dengan British dan memeterai Perjanjian Inggeris-Belanda 1824. | Pakatan |

**15.** Huraikan strategi yang digunakan oleh British untuk menguasai negara kita. **TP 5**

SP 7.1.4

**Manipulasi**

(a) Menggunakan perebutan takhta di Perak pada tahun 1871 untuk campur tangan di Perak.

(b) Menggunakan peristiwa rompakan lanun dan serangan ke atas rumah api di Tanjung Rachado sebagai alasan untuk campur tangan di Selangor.

(c) Mengambil kesempatan berikutan konflik antara pembesar di Sungai Ujong untuk campur tangan di Negeri Sembilan.

**Tipu helah**

(d) Francis Light melakukan tipu helah kepada Sultan Kedah bagi mendapatkan Pulau Pinang.

**Pakatan**

(e) Berpakat dengan Belanda dengan memeterai Perjanjian Inggeris-Belanda 1824 untuk mendapatkan Melaka.

**Ugutan / Desakan**

(f) Membuat ugutan terhadap Sultan Selangor dan Sultan Pahang agar menerima Residen British bagi menasihati baginda dalam hal-hal pentadbiran.

(g) James Brooke mendesak Sultan Brunei untuk mengiktiraf beliau sebagai Raja Sarawak.

**Perjanjian**

(h) Mendesak Sultan Perak, Sultan Selangor, Yamtuan Seri Menanti dan Sultan Pahang memeterai perjanjian agar menerima naungan British.

(i) James Brooke menandatangani perjanjian dengan Sultan Brunei untuk mengiktiraf beliau sebagai Raja Sarawak yang merdeka.

**Pajakan**

(j) Melalui pajakan dan pemberian piagam kepada Syarikat Borneo Utara British, British meluaskan pengaruhnya ke atas Sabah.

**Serangan fizikal**

(k) Menyerang Naning pada tahun 1831 dan 1832 berikutan keengganan Penghulu Dol Said tunduk kepada kekuasaan British di Melaka.

(l) Membedil Kuala Terengganu dan meminta Sultan Omar tidak mencampuri masalah perang saudara di Pahang serta masalah takhta Sultan Mahmud Lingga.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

PENDIDIKAN SIVIK 1

**16.** Gambar berikut menunjukkan peristiwa menandatangani perjanjian antara Stamford Raffles dengan Sultan Hussein dan Temenggung Abdul Rahman pada 6 Februari 1819. **TP 6**

SP 7.1.4

KBAT Mengaplikasi

INFO

Sejarah Johor



Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, bagaimanakah Stamford Raffles berjaya menduduki Singapura? Andaikan anda pemerintah Johor ketika itu, apakah usaha yang dapat anda lakukan bagi menangkis kemaraan kuasa Barat di Singapura?

Pada 30 Januari 1819, Stamford Raffles memaksa Temenggung Abdul Rahman menandatangani perjanjian yang membenarkan British membuka petempatan di Singapura. Perjanjian tersebut memerlukan pengesahan Sultan Johor. Stamford Raffles mendapat maklumat tentang masalah pewarisan takhta kerajaan Johor. Stamford Raffles mengiktiraf Tengku Hussein sebagai Sultan Johor yang sah dengan syarat Sultan Hussein mengiktiraf perjanjian Stamford Raffles dengan Temenggung Abdul Rahman. Pada 6 Februari 1819, Sultan Hussein mengiktiraf perjanjian tersebut yang membolehkan British bertapak secara rasmi di Singapura.

Usaha yang boleh dilakukan bagi menangkis kemaraan kuasa Barat ialah bersatu hati, menyatukan rakyat, mengutamakan kepentingan negara, bermusyawarah, memantapkan sistem pentadbiran, mengetahui muslihat dan strategi kuasa Barat dan menguatkan sistem pertahanan. (*Mana-mana jawapan yang munasabah*)

**17.** Lakukan aktiviti berikut. **TP 5**

SP 7.1.4

## AKTIVITI PAK-21 — Meja Bulat

(a) Bahagikan kelas kepada enam kumpulan kecil.

(b) Setiap kumpulan akan memilih salah satu daripada strategi berikut:

| | |
|---|---|
| (i) Pakatan | (iv) Tipu helah |
| (ii) Manipulasi | (v) Perjanjian |
| (iii) Serangan fizikal | (vi) Ugutan / Desakan |

(c) Pilih peristiwa yang membuktikan penggunaan strategi tersebut. Dapatkan maklumat daripada buku teks, jurnal, ensiklopedia atau Internet tentang peristiwa tersebut.

(d) Setiap kumpulan akan mengadakan perbincangan secara meja bulat. Ahli kumpulan akan mencatat idea pada kertas yang sama.

(e) Antara maklumat yang berkaitan ialah:

| | |
|---|---|
| (i) Latar belakang | (iv) Kronologi peristiwa |
| (ii) Kuasa Barat yang terlibat | (v) Kesan penguasaan Barat |
| (iii) Strategi yang digunakan tersebut | (vi) Iktibar daripada peristiwa |

*Tahap Penguasaan Bab 1* TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**1.** Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (✗) pada pernyataan yang salah.

| | | |
|---|---|---|
| (a) | Negara kita mengamalkan sistem pemerintahan beraja mutlak yang diwarisi daripada Kesultanan Johor Riau. | ✗ |
| (b) | Negeri-negeri Melayu menjalankan perdagangan kerana mempunyai pelabuhan yang terletak di muara sungai yang strategik. | ✓ |
| (c) | Pendidikan tidak formal merupakan pendidikan awal atau asuhan dalam institusi keluarga. | ✓ |
| (d) | Kedatangan kuasa Barat pada abad ke-16 untuk mendapatkan bahan seperti rempah-ratus, emas dan perak. | ✓ |
| (e) | Kemunculan perusahaan kereta dan ciptaan tayar menambahkan permintaan untuk bijih timah. | ✗ |
| (f) | Kuasa Jerman menggunakan slogan "Tugas Menyebarkan Tamadun" kepada wilayah yang dijajah yang dianggap mundur. | ✗ |

**2.** Berdasarkan huraian berikut, nyatakan kuasa Barat (**X**) yang betul.

| | | |
|---|---|---|
| (a) | Pada tahun 1600, Syarikat Hindia Timur Inggeris ditubuhkan oleh Kerajaan **X**. | British |
| (b) | **X** meluaskan kuasanya di Indochina dan merancang membina terusan di Segenting Kra. | Perancis |
| (c) | Kuasa **X** berusaha untuk mendapatkan Pulau Langkawi. | Jerman |
| (d) | Pada tahun 1641, kuasa **X** mengadakan pakatan dengan Johor untuk mengalahkan Portugis di Melaka. | Belanda |
| (e) | Kuasa **X** ingin bertapak di Terengganu. | Amerika Syarikat |

KUIZ GAMIFIKASI
Bab 1

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# BAB 2 Pentadbiran Negeri-negeri Selat

## 2.1 Peluasan Kuasa British di Pulau Pinang, Singapura dan Melaka

Buku Teks ms. 30 – 41

ePP+ POWERPOINT Bab 2

**1.** Gariskan jawapan yang betul. **TP 1**

SP 7.2.1

TUTORIAL

Latar Belakang Pulau Pinang Sebelum Peluasan Kuasa British

**Pulau Pinang**

Pulau Pinang adalah salah satu wilayah Kesultanan (a) ( Perak / Kedah ). Pulau Pinang menjadi tempat (b) ( persinggahan / pertemuan ) bagi pedagang-pedagang dari Lingga yang datang berdagang di Kedah. Batu Uban yang sering dikunjungi oleh pedagang (c) ( Belanda / Arab ) ialah pelabuhan paling awal dibuka di Pulau Pinang.

**Singapura**

Singapura merupakan salah satu wilayah Kesultanan (d) ( Johor Riau / Melaka ). Singapura ditadbir oleh (e) ( Bendahara Abdul Jalil / Temenggung Abdul Rahman ). Semasa pentadbiran beliau, ladang-ladang (f) ( tembakau / gambir ) telah diusahakan oleh orang Melayu dan orang Cina.

**Melaka**

Kesultanan Melayu Melaka ditawan oleh (g) ( Belanda / Portugis ) pada tahun 1511. Pada tahun 1641 – 1824, Melaka menjadi tanah jajahan kuasa (h) ( Belanda / Portugis ).

**2.** Lengkapkan petikan berikut berkaitan dengan keistimewaan Pulau Pinang yang dapat memenuhi keperluan British. **TP 2**

SP 7.2.1

Pulau Pinang terletak di pertengahan (a) laluan perdagangan di antara Timur dan Barat. Pulau Pinang memainkan peranan sebagai (b) pusat pengumpulan hasil bumi Alam Melayu seperti emas, perak, bijih timah dan (c) rempah-ratus. British memerlukan sebuah pusat untuk mengumpulkan barangan tersebut untuk ditukarkan dengan (d) teh dari China.

Pulau Pinang yang terletak di laluan perdagangan di antara China dan India dapat memainkan peranan sebagai (e) pelabuhan persinggahan bagi pedagang British. Sementara menunggu peralihan angin monsun, pedagang-pedagang British dapat berlindung, membaiki kapal serta memperoleh bekalan (f) makanan dan minuman. Pelabuhan persinggahan ini juga memudahkan (g) penjelajahan mereka ke rantau Asia Pasifik.

Pangkalan tentera British di Bombay yang terletak di pantai barat India sukar mengawal petempatan mereka di (h) Madras. Pulau Pinang dapat memainkan peranan sebagai (i) pangkalan tentera yang lebih strategik untuk membolehkan British mempertahankan petempatan mereka di India daripada ancaman tentera (j) Perancis.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**3.** Lengkapkan peta alir berikut berkaitan dengan pendudukan British di Pulau Pinang. **TP 3**

SP 7.2.1

*i-Think* **Peta Alir**

CETUS IDEA

Sultan Muhammad Jiwa (1710 – 1778) berusaha memohon (a) bantuan ketenteraan daripada SHTI berikutan tercetusnya krisis perebutan takhta dalam Kesultanan Kedah.

→ SHTI menghantar Edward Monckton untuk berunding dengan Sultan Muhammad Jiwa. Namun rundingan gagal kerana (b) SHTI tidak dapat memberikan sebarang jaminan.

→ Apabila Kedah menghadapi ancaman Siam, Sultan Abdullah (1778 – 1798) memohon bantuan SHTI dengan menawarkan (c) Pulau Pinang sebagai pangkalan kepada SHTI.

→ Baginda meminta (d) Francis Light menyampaikan syarat baginda kepada Gabenor Jeneral British di India.

→ Francis Light menduduki Pulau Pinang dengan memberikan janji bahawa (e) SHTI akan memenuhi syarat yang dipohon oleh Sultan Kedah.

→ Francis Light menamakan Pulau Pinang sebagai (f) *Prince of Wales Island* dan petempatan mereka sebagai (g) Georgetown.

**4.** Lengkapkan rajah berikut berkaitan dengan pengukuhan kuasa British di Pulau Pinang. **TP 3**

SP 7.2.1

(a) Pada tahun 1786, Kedah menghadapi ancaman Siam, namun SHTI enggan memberikan sebarang bantuan dengan alasan bahawa tiada perjanjian ditandatangani dengan Sultan Kedah.

⇩

(b) Sultan Abdullah cuba mengambil semula Pulau Pinang tetapi ditewaskan oleh Francis Light yang mendapat bantuan SHTI.

INFO

Francis Light

⇩

(c) Pada tahun 1791, Sultan Abdullah dipaksa menandatangani perjanjian untuk mengiktiraf pendudukan British di Pulau Pinang secara rasmi.

⇩

(d) Pada tahun 1800, Gabenor Pulau Pinang, George Leith mendesak Sultan Kedah, Sultan Dhiauddin (1798-1804) menandatangani perjanjian dengan British untuk membolehkan British menduduki Seberang Perai.

NOTA VISUAL Kronologi Pendudukan British di Pulau Pinang

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**5.** Terangkan faktor-faktor peluasan kuasa British di Singapura. **TP 2**

**SP** 7.2.1

CETUS IDEA

KBAT EKSTRA

**Faktor-faktor peluasan kuasa British di Singapura**

(a) British memerlukan pelabuhan yang lebih strategik untuk bersaing dengan Belanda di Alam Melayu.

(b) Pulau Pinang dan Bangkahulu tidak mampu menyaingi pelabuhan-pelabuhan Belanda di Alam Melayu.

(c) Kedudukan Singapura di bahagian selatan Semenanjung Tanah Melayu dapat mengawal kegiatan perdagangan Selat Melaka dan Selat Sunda.

(d) Singapura dapat memainkan peranan sebagai pusat pengumpulan hasil-hasil ekonomi Alam Melayu.

(e) Kebanyakan kapal dagang berlabuh di pelabuhan Betawi, Riau dan Lingga yang berada di bawah pengaruh Belanda.

**6.** Isikan tempat kosong dengan jawapan yang betul berkaitan dengan pertapakan British di Singapura. **TP 2**

**SP** 7.2.1

| | | | |
|---|---|---|---|
| Belanda | pengesahan | Sultan Abdul Rahman | Tengku Hussein |
| Sultan Johor Riau | pewarisan | William Farquhar | Temenggung Abdul Rahman |

Stamford Raffles dan (a) William Farquhar tiba di Singapura pada bulan Januari 1819. British membuat perjanjian dengan pentadbir Singapura, iaitu (b) Temenggung Abdul Rahman untuk mendapatkan kebenaran bagi membina petempatan di Singapura. Temenggung Abdul Rahman menegaskan bahawa perjanjian tersebut harus mendapat (c) pengesahan daripada pemerintah Kesultanan Johor Riau, iaitu (d) Sultan Abdul Rahman.

Menyedari Sultan Abdul Rahman menjalin hubungan baik dengan (e) Belanda, Stamford Raffles menggunakan isu (f) pewarisan takhta Kesultanan Johor Riau bagi mendapatkan pengesahan sultan. Stamford Raffles memujuk Temenggung Abdul Rahman menjemput (g) Tengku Hussein ke Singapura dan mengisytiharkan baginda sebagai (h) Sultan Johor Riau dengan gelaran Sultan Hussein Muhammad Shah.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**7.** Gariskan jawapan yang betul berkaitan dengan isu pewarisan takhta Kesultanan Johor Riau. **TP 3**

SP 7.2.1

(a) Sultan Mahmud Shah III mempunyai dua orang putera, iaitu Tengku Hussein dan ( Tengku Abdul Rahman / Temenggung Abdul Rahman ).

(b) Pada tahun 1812, Sultan Mahmud Shah III mangkat dan Tengku Abdul Rahman hadir semasa pemakaman Almarhum Sultan di ( Bangkahulu / Lingga ).

(c) Tengku Hussein tidak menghadiri istiadat pemakaman Almarhum Sultan kerana berada di ( Kedah / Pahang ).

(d) Tengku Abdul Rahman ditabalkan sebagai Sultan Johor dan mendapat pengiktirafan daripada orang ( Bugis / Jawa ) dan Belanda.

(e) Tengku Hussein yang diketepikan telah mengundurkan diri dan mengambil keputusan untuk menetap di ( Riau / Betawi ).

(f) Tindakan ( William Farquhar / Stamford Raffles ) memanipulasikan isu pewarisan takhta dengan mengisytiharkan Tengku Hussein sebagai Sultan Johor Riau menyebabkan Kesultanan Johor Riau mempunyai dua orang sultan.

(g) Sultan Abdul Rahman bersemayam di Lingga dan Sultan Hussein bersemayam di ( Riau / Singapura ).

**8.** British mengukuhkan penguasaannya ke atas Singapura melalui beberapa perjanjian.
Jelaskan kesan perjanjian antara British dengan Singapura berikut. **TP 4**

SP 7.2.1

| Perjanjian | Kesan Perjanjian |
|---|---|
| (a) Perjanjian 6 Februari 1819 ditandatangani antara Stamford Raffles dengan Sultan Hussein dan Temenggung Abdul Rahman | (i) Petempatan British di Singapura diiktiraf.<br>(ii) British menaikkan bendera Union Jack di Singapura pada 13 Februari 1819.<br>(iii) William Farquhar dilantik sebagai Residen Singapura yang pertama. |
| (b) Perjanjian 2 Ogos 1824 ditandatangani antara Residen Singapura, John Crawfurd dengan Sultan Hussein dan Temenggung Abdul Rahman. | (i) Singapura diserahkan kepada British untuk selama-lamanya.<br>(ii) Sultan dan Temenggung hilang kedaulatan ke atas Singapura.<br>(iii) Sultan dan Temenggung diberikan bayaran pampasan dan pencen bulanan seumur hidup. |

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**9.** Jelaskan faktor-faktor pakatan British-Belanda dan kesan pakatan tersebut. **TP 4**

SP 7.2.1

| **Faktor pakatan British-Belanda** | **Huraian** |
|---|---|
| (a) Menamatkan pertikaian British dan Belanda berkaitan Singapura | (i) British berjaya memajukan Singapura dalam tempoh yang singkat.<br>(ii) Belanda bimbang kemajuan Singapura menjejaskan perdagangan mereka di Betawi.<br>(iii) Belanda mendakwa Singapura berada di bawah lingkungan pengaruhnya.<br>(iv) Belanda menuntut agar British berundur dari Singapura.<br>(v) British bertekad mempertahankan Singapura dan yakin dengan potensi Singapura sebagai pelabuhan bebas dan pangkalan tentera yang penting di Alam Melayu. |
| (b) Dasar persahabatan British dan Belanda di Eropah | (i) Semasa Perang Napoleon, Perancis menjadikan Belanda sebagai pangkalan untuk menyerang Britain.<br>(ii) Belanda perlu berbaik-baik dengan British yang telah menjaga tanah jajahan Belanda di Timur semasa Perang Napoleon. |
| (c) Penyelesaian untuk perdamaian | (i) Belanda dan Britain mahu mengelakkan peperangan.<br>(ii) Belanda yang semakin lemah berikutan Perang Napoleon tidak mahu terbeban dengan masalah kewangan.<br>(iii) Penyelesaian dicari melalui rundingan ke arah perdamaian. |

| **Kesan pakatan British dan Belanda** |
|---|
| (d) Pakatan British dan Belanda menyebabkan termeterainya Perjanjian London 1824 atau Perjanjian Inggeris–Belanda 1824. |
| (e) Perjanjian ini bertujuan menamatkan pertikaian dan hubungan tegang antara dua kuasa Eropah tersebut demi menjaga kepentingan masing-masing di Alam Melayu. |
| (f) Melalui perjanjian ini, British dapat menguasai Melaka apabila berlaku pertukaran wilayah antara British dengan Belanda. |

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# 2.2 Perjanjian London 1824 dan Kesannya terhadap Alam Melayu

Buku Teks ms. 42 – 45

**10.** Lengkapkan rajah berikut tentang syarat-syarat Perjanjian London 1824. **TP 2**
SP 7.2.2

**Syarat Perjanjian London 1824**

| British | Belanda |
|---|---|
| (a) Berundur dari Sumatera. | (d) Mengiktiraf petempatan British di Singapura. |
| (b) Menyerahkan Bangkahulu kepada Belanda. | (e) Menyerahkan Melaka dan jajahan takluknya kepada British. |
| (c) Tidak membuka petempatan baharu di Kepulauan Riau Lingga dan kepulauan lain di selatan Singapura. | (f) Tidak membuka petempatan baharu di Tanah Melayu. |

**11.** Huraikan kesan Perjanjian London 1824 terhadap Alam Melayu. **TP 4**
SP 7.2.2

**Pembahagian Alam Melayu kepada dua lingkungan pengaruh Barat**

(a) Selat Melaka dan Selat Singapura dijadikan sempadan untuk memisahkan wilayah pengaruh British dan wilayah pengaruh Belanda di Alam Melayu.

(b) Mewujudkan entiti geopolitik baharu yang dikenali sebagai Tanah Melayu di bawah pengaruh British dan Hindia Timur Belanda di bawah pengaruh Belanda.

**Perpecahan empayar Kesultanan Johor Riau**

(c) Singapura menjadi tanah jajahan British.

(d) Pada tahun 1911, Belanda menghapuskan institusi Kesultanan Riau Lingga menyebabkan Kesultanan Riau Lingga berakhir.

(e) Pada tahun 1853, pembesar Pahang, Bendahara Tun Ali mengisytiharkan Pahang bebas daripada Kesultanan Johor Riau.

**Selat Melaka di bawah penguasaan British**

(f) British memiliki tiga pelabuhan strategik di sepanjang Selat Melaka, iaitu Pulau Pinang, Melaka dan Singapura.

(g) British menguasai sepenuhnya perdagangan di Selat Melaka.

(h) Pengunduran Belanda dari Tanah Melayu membuka peluang kepada British untuk meluaskan kuasa ke negeri-negeri Melayu.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## 2.3 Pembentukan Negeri-negeri Selat

*Buku Teks ms. 46 – 47*

**12.** Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (✗) pada pernyataan yang salah. **TP 1**

**SP 7.2.3**

| Pernyataan | (✓) / (✗) |
|---|---|
| (a) Negeri-negeri Selat ditubuhkan oleh British untuk mengukuhkan penguasaan terhadap Pulau Pinang, Singapura dan Melaka. | ✓ |
| (b) Sebelum Negeri-negeri Selat dibentuk, Pulau Pinang, Singapura dan Melaka tidak mempunyai pentadbiran sendiri. | ✗ |
| (c) Sebelum pembentukan Negeri-negeri Selat, Pulau Pinang ditadbir oleh Gabenor Jeneral British di India. | ✗ |
| (d) Pulau Pinang mendapat status pelabuhan bebas pada tahun 1787 dan menguasai perdagangan dengan negeri-negeri Melayu. | ✓ |
| (e) Singapura ditadbir oleh Residen yang bertanggungjawab kepada Temenggong dan Sultan Johor. | ✗ |
| (f) Melaka meneruskan Sistem Kapitan bagi mewujudkan keamanan dalam komuniti kaum. | ✓ |
| (g) Negeri-negeri Selat menjadi pintu masuk bagi buruh luar untuk mempercepat pembangunan ekonomi British. | ✓ |

**13.** Lengkapkan peta buih berikut berkaitan dengan kepentingan pembentukan Negeri-negeri Selat kepada British. **TP 4**

**SP 7.2.3**

*i-Think* **Peta Buih**

**TUTORIAL**

Latar Belakang Pulau Pinang dan Singapura Sebelum Pembentukan Negeri-negeri Selat

**Kepentingan pembentukan Negeri-negeri Selat kepada British**

- (a) British dapat menjimatkan perbelanjaan dan menyeragamkan pentadbiran.
- (b) British dapat menguasai keseluruhan Selat Melaka.
- (c) Taraf pelabuhan bebas Negeri-negeri Selat berjaya menarik kedatangan pedagang tempatan dan pedagang asing.
- (d) Penanaman modal oleh pelabur luar menyebabkan Negeri-negeri selat berkembang pesat.
- (e) Negeri-negeri Selat dijadikan pusat pengumpulan hasil dari Alam Melayu.
- (f) Negeri-negeri Selat menjadi pintu masuk bagi buruh luar untuk pembangunan ekonomi British di negeri-negeri Melayu.

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# 2.4 Pentadbiran Negeri-negeri Selat

Buku Teks ms. 48 – 49

**14.** Pentadbiran Negeri-negeri Selat telah mengalami beberapa perubahan sejak pembentukannya pada tahun 1826.

SP 7.2.4

MAHIR UASA TP 5

(a) Jelaskan ciri-ciri pentadbiran Negeri-negeri Selat di bawah Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) di India pada tahun 1826 hingga 1857.

(i) Diketuai oleh Gabenor.

(ii) Residen Konsular dilantik untuk membantu Gabenor.

(iii) Pulau Pinang menjadi pusat pentadbiran yang pertama.

(iv) Pada tahun 1832, pusat pentadbiran berpindah ke Singapura.

(b) Huraikan pentadbiran Negeri-negeri Selat di bawah Pejabat India antara tahun 1858 hingga 1867.

(i) Undang-undang British dikuatkuasakan.

(ii) Pejabat India tidak mampu mengatasi masalah pemberontakan yang berlaku pada masa itu.

(iii) Pejabat India tidak memberikan perhatian bagi melindungi pedagang Negeri-negeri Selat.

(iv) Kelemahan pentadbiran Pejabat India menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan pedagang Negeri-negeri Selat.

(c) Apakah iktibar yang diperoleh daripada peristiwa tersebut?

KBAT Menilai

(i) Penjajahan oleh kuasa luar hanya merugikan penduduk tempatan.

(ii) Hak dan kepentingan penduduk setempat perlu dipertahankan.

(iii) Rakyat hendaklah bersatu padu menghadapi ancaman kuasa luar.

(iv) Kita hendaklah sama-sama mempertahankan kedaulatan negara.

(v) Institusi raja hendaklah sentiasa dipertahankan.

*(Mana-mana jawapan yang munasabah)*

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**15.** Rajah berikut menunjukkan struktur pentadbiran Negeri-negeri Selat di bawah Pejabat Tanah Jajahan di London.
SP 7.2.4
Jelaskan faktor-faktor pemindahan pentadbiran Negeri-negeri Selat ke Pejabat Tanah Jajahan di London.

**MAHIR UASA** **TP 4**

**Pejabat Tanah Jajahan di London**

**Gabenor Negeri-negeri Selat**

**Majlis Eksekutif**
Menguruskan hal pentadbiran

**Majlis Perundangan**
Menggubal undang-undang

(a) Tiada wakil Negeri-negeri Selat dalam Majlis Perundangan di India yang meluluskan undang-undang bagi Negeri-negeri Selat.

(b) Pejabat India gagal mengawal masalah rompakan terhadap kapal dagang dan pertelingkahan kumpulan Cina di Negeri-negeri Selat.

(c) Pejabat India mahu menjadikan mata wang rupee India sebagai mata wang Negeri-negeri Selat.

(d) Cadangan Pejabat India untuk mengenakan cukai pelabuhan di Negeri-negeri Selat akan menjejaskan kemakmuran taraf pelabuhan bebas.

(e) Pejabat India menjadikan Negeri-negeri Selat tempat buangan banduan menjejaskan imej Negeri-negeri Selat.

**16.** Lakukan aktiviti berikut. **TP 6**

## AKTIVITI PAK-21 ▷ Kafe

(a) Murid duduk secara berkumpulan mengelilingi sebuah meja.
(b) Guru meletakkan pernyataan berikut di tengah-tengah meja tersebut.

> Kemerdekaan bukan suatu keadaan semula jadi dan penjajahan bukan sudah lesap sama sekali. Hakikatnya ialah penjajahan jenis baharu telah dicipta dan penjajahan ini telah berjaya menakluk semula negara dan bangsa yang telah mencapai kemerdekaan. Penjajahan yang dimaksudkan ialah penjajahan ekonomi, penjajahan ideologi dan penjajahan kebudayaan.
>
> –Petikan kata-kata Tun Dr. Mahathir Mohammad, 30 Ogos 1987

(c) Setiap kumpulan dikehendaki membincangkan penjajahan bentuk baharu dari aspek berikut:
   (i) Contoh penjajahan bentuk baharu
   (ii) Langkah-langkah mempertahankan diri daripada penjajahan bentuk baharu
(d) Hasil dapatan dibentangkan di hadapan kelas.

*Tahap Penguasaan Bab 2* TP 1 TP 2 TP 3 TP 4 TP 5 TP 6

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**1.** Padankan wilayah berikut dengan maklumat yang betul.

| | | |
|---|---|---|
| (a) | Singapura | Menjadi tanah jajahan Belanda pada tahun 1641 – 1824. |
| (b) | Melaka | Kedudukannya di selatan Semenanjung Tanah Melayu. |
| (c) | Pulau Pinang | Menjadi benteng pertahanan British dan kawasan pertanian. |
| (d) | Seberang Perai | Diserahkan kepada Belanda mengikut syarat Perjanjian London 1824. |
| (e) | Bangkahulu | Terkenal dengan pelabuhan awal, iaitu Batu Uban. |

**2.** Gariskan jawapan yang betul.

(a) Semasa pentadbiran Temenggung Abdul Rahman, ladang gambir diusahakan oleh orang Melayu dan Cina di ( Melaka : Singapura ).

(b) Kedudukan ( Seberang Perai : Pulau Pinang ) di laluan perdagangan antara Timur dan Barat dapat memenuhi keperluan perdagangan dan keselamatan British di Alam Melayu.

(c) Pada tahun 1791, ( Sultan Abdullah : Sultan Muhammad Jiwa ) dipaksa menandatangani perjanjian yang mengiktiraf pendudukan British di Pulau Pinang.

(d) Pakatan antara kuasa British dengan Belanda pada tahun 1824 menyebabkan termeterainya Perjanjian ( London : England ).

(e) Pada tahun 1826, Pulau Pinang, Singapura dan Melaka digabungkan menjadi satu unit pentadbiran yang dinamakan ( Negeri-negeri Merdeka : Negeri-negeri Selat ).

(f) Pejabat Tanah Jajahan ialah jabatan kerajaan ( Portugis : British ) yang mengurus hal-ehwal tanah jajahan British.

KUIZ GAMIFIKASI

Bab 2

# PANDUAN TUGASAN SEJARAH

## Pengertian

(a) Satu kajian secara mendalam tentang situasi, isu, subjek, dokumen atau peristiwa.
(b) Berdasarkan sumber secara terperinci yang dikumpulkan dalam jangka masa tertentu.

## Ciri

(a) Data yang mendalam dan teliti dari pelbagai sumber.
(b) Pemerhatian dan empati.
(c) Makna dan iktibar yang boleh dipelajari daripada kes tertentu.

## Tujuan

(a) Mengilustrasi gambaran, menganalisis dan menginterpretasi kehebatan tokoh, keunikan monumen, situasi, dan peristiwa melalui maklumat yang diperoleh.
(b) Mengenal pasti tingkah laku yang kompleks dalam situasi tertentu.
(c) Mempersembahkan dapatan sebenar.
(d) Pengesahan dapatan.

## Fokus

(a) Individu, situasi tempatan, atau peristiwa.
(b) Kejadian atau peristiwa yang unik dan utama atau kes tunggal.
(c) Perkara berkaitan tokoh, komuniti, pertubuhan, institusi, peristiwa, tempat, fakta / mitos / legenda, dan monumen.

## Langkah-langkah pelaksanaan tugasan

1 Pernyataan masalah → 2 Kajian literatur → 3 Objektif kajian → 4 Kaedah kajian → 5 Sumber rujukan → 6 Analisis data → 7 Laporan kajian

**CONTOH LAPORAN TUGASAN SEJARAH**

https://plus.pelangibooks.com/Resources/TargetPBD/SejarahT3/LaporanTugasanSejarah.pdf

# MODUL UASA


| UJIAN | SKOP | HALAMAN |
|---|---|---|
| **UJIAN 1** | Bab 1 – Bab 2 | 78 – 82 |
| **UJIAN 2** | Bab 3 – Bab 4 | 83 – 87 |
| **UJIAN PERTENGAHAN SESI AKADEMIK (UPSA)** | Bab 1 – Bab 4 | 88 – 92 |
| **UJIAN 3** | Bab 5 – Bab 6 | 93 – 97 |
| **UJIAN 4** | Bab 7 – Bab 8 | 98 – 101 |
| **UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK (UASA)** | Bab 1 – Bab 8 | 102 – 106 |





© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# UJIAN 1

Skor /80

## BAHAGIAN A

**1.** BAB 1 Buku Teks ms. 5
Di manakah sistem pemerintahan tradisional berikut dilaksanakan?

- Sistem Kesukuan
- Sistem Kesultanan
- Sistem Ketua Bebas

**A** Sabah
**B** Sarawak
**C** Kelantan
**D** Negeri Sembilan

Aras Memahami

**2.** BAB 1 Buku Teks ms. 8
Apakah peranan cerita berikut dalam sistem pendidikan tidak formal masyarakat Melayu tradisional?

- *Si Tanggang Anak Derhaka*
- *Anjing dengan Bayang-bayang*

**A** Berkarya
**B** Menasihat
**C** Menghafal
**D** Menghibur

Aras Memahami

**3.** BAB 1 Buku Teks ms. 12
Mengapakah kuasa Eropah berlumba-lumba untuk meluaskan tanah jajahan di Timur selepas Revolusi Perindustrian?

I Mencari pasaran baharu
II Mendapatkan bahan mentah
III Mengembangkan idea revolusi
IV Menandatangani perjanjian perdagangan

**A** I dan II
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV

Aras Menganalisis

**4.** BAB 1 Buku Teks ms. 13
Apakah kesan perkembangan industri kereta terhadap negara kita?

**A** Pengenalan kenderaan bermotor
**B** Pembinaan jalan raya dinaik taraf
**C** Harga bijih timah melambung tinggi
**D** Permintaan terhadap getah asli meningkat

Aras Menilai

**5.** BAB 1 Buku Teks ms. 14
Apakah kesan pembukaan Terusan Suez terhadap negara kita?

I Perusahaan getah meningkat
II Perkembangan industri perkapalan
III Mempercepat urusan perdagangan
IV Menggalakkan kedatangan kuasa Barat

**A** I dan II
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV

Aras Menilai

**6.** BAB 1 Buku Teks ms. 15
Slogan berikut digunakan oleh kuasa Barat untuk menyebarkan tamadun mereka.

Beban Orang Putih

Mengapakah kuasa Barat menggunakan slogan tersebut?

**A** Meraih simpati
**B** Mewajarkan tindakan
**C** Memberikan kesedaran
**D** Mewujudkan kesejahteraan

Aras Menganalisis

**7.** BAB 1 Buku Teks ms. 16
Apakah kuasa Barat yang berusaha untuk bertapak di Terengganu?

**A** Jerman
**B** Perancis
**C** Sepanyol
**D** Amerika Syarikat

Aras Memahami

**8.** BAB 1 Buku Teks ms. 20
Mengapakah Belanda mengadakan pakatan dengan Johor pada tahun 1641?

**A** Menguasai Singapura
**B** Menyekat kemaraan British
**C** Mengusir Portugis dari Melaka
**D** Memajukan perdagangan Johor

Aras Menganalisis

**9.** BAB 1 Buku Teks ms. 21
Apakah kesan strategi pakatan antara British dengan Belanda terhadap negara kita?

**A** British mendapatkan Melaka
**B** Penghapusan lanun di Selat Melaka
**C** Kekalahan Dol Said dalam Perang Naning
**D** Perjanjian perdagangan bijih timah Perak-Belanda

Aras Menilai

**10.** BAB 1 Buku Teks ms. 21
Maklumat berikut berkaitan dengan konflik yang memberikan peluang kepada British untuk campur tangan di negara kita.

- Perebutan takhta di Perak.
- Konflik pembesar di Sungai Ujung, Negeri Sembilan.

Apakah strategi yang digunakan oleh British berdasarkan konflik tersebut?

**A** Pakatan
**B** Tipu helah
**C** Manipulasi
**D** Serangan fizikal

Aras Menganalisis

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**11.** BAB 2 Buku Teks ms. 32
Mengapakah British berhasrat mendirikan pangkalan tentera di Pulau Pinang?
**A** Meluaskan empayar
**B** Menduduki Pulau Pinang
**C** Menyekat pengaruh Belanda
**(D)** Mempertahankan petempatannya di India
Aras Menganalisis

**12.** BAB 2 Buku Teks ms. 34
Siapakah yang membuat tipu helah untuk menduduki Pulau Pinang?
**A** SHTI
**B** J.W.W. Birch
**(C)** Francis Light
**D** Stamford Raffles
Aras Memahami

**13.** BAB 2 Buku Teks ms. 35
Maklumat berikut berkaitan dengan usaha British mendapatkan Seberang Perai.

> Pada tahun 1800, Gabenor Pulau Pinang mendesak Sultan Kedah menandatangani perjanjian dengan British.

Apakah kepentingan Seberang Perai kepada British?
I Pelabuhan utama
II Kawasan pertanian
III Benteng pertahanan
IV Pusat pemerintahan
**A** I dan II
**B** I dan IV
**(C)** II dan III
**D** III dan IV
Aras Memahami

**14.** BAB 2 Buku Teks ms. 38
Bagaimanakah Stamford Raffles berjaya menduduki Singapura pada tahun 1819?
**A** Memeterai Perjanjian London
**(B)** Memanipulasi isu pewarisan takhta Kesultanan Johor Riau
**C** Mengadakan perjanjian dengan Temenggung Abdul Rahman
**D** Mengiktiraf Tengku Abdul Rahman sebagai Sultan Johor Riau
Aras Menganalisis

**15.** BAB 2 Buku Teks ms. 40
Mengapakah Belanda membantah pendudukan British di Singapura?
**A** Kekuatan Belanda terancam
**B** Melanggar syarat Perjanjian London
**(C)** Bimbang perdagangan Belanda di Betawi terjejas
**D** Singapura gagal berkembang sebagai pelabuhan bebas
Aras Menganalisis

**16.** BAB 2 Buku Teks ms. 44
Apakah peristiwa yang membawa kepada perpecahan empayar Kesultanan Johor Riau?
**A** Perang Saudara
**(B)** Perjanjian London 1824
**C** Pertabalan Sultan Hussein
**D** Pembentukan Negeri-negeri Selat
Aras Memahami

**17.** BAB 2 Buku Teks ms. 47
Apakah tujuan British menggabungkan pentadbiran Pulau Pinang, Singapura dan Melaka dalam Negeri-negeri Selat?
I Mengukuhkan pertahanan
II Menjimatkan perbelanjaan
III Menyeragamkan pentadbiran
IV Menghapuskan kuasa pembesar
**A** I dan II
**B** I dan IV
**(C)** II dan III
**D** III dan IV
Aras Memahami

**18.** BAB 2 Buku Teks ms. 49
Mengapakah saudagar Negeri-negeri Selat tidak berpuas hati dengan pentadbiran Negeri-negeri Selat di bawah Pejabat India?
I Tidak melindungi saudagar Negeri-negeri Selat
II Tiada undang-undang berkaitan Negeri-negeri Selat
III Pentadbiran Negeri-negeri Selat diketuai oleh Gabenor
IV Menjadikan Negeri-negeri Selat tempat buangan banduan
**A** I dan II
**(B)** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV
Aras Menganalisis

**19.** BAB 2 Buku Teks ms. 49
Apakah status Negeri-negeri Selat berikutan pemindahan pentadbirannya ke Pejabat Tanah Jajahan di London?
**A** Negeri naungan
**(B)** Tanah jajahan British
**C** Negeri-negeri berdaulat
**D** Negeri gabungan British
Aras Memahami

**20.** BAB 2 Buku Teks ms. 49
Apakah iktibar yang diperoleh daripada peluasan kuasa British di negara kita?
**A** Menanamkan sikap anti-British
**B** Menentang undang-undang baharu
**(C)** Mempertahankan keistimewaan yang ada
**D** Mengukuhkan hubungan baik dengan semua kuasa Barat
Aras Menilai

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

## BAHAGIAN B

**1.** Negara kita mempunyai sistem pemerintahan dan ekonomi yang mantap dan teratur.

(a) Nyatakan **dua** peranan raja dalam sistem pemerintahan beraja yang diwarisi oleh negara kita.

BAB 1 Buku Teks ms. 4

(i) Mengetuai pentadbiran negeri.

(ii) Lambang kedaulatan negeri.

Aras Memahami [2 *markah*]

(b) Bagaimanakah sistem ekonomi yang teratur telah membawa kemakmuran kepada negara kita?

BAB 1 Buku Teks ms. 7

Kegiatan perdagangan dijalankan di pelabuhan-pelabuhan yang strategik.

Sistem timbangan dan sukatan digunakan dalam perdagangan.

Penggunaan mata wang memudahkan urusan perdagangan.

Sistem percukaian yang teratur dilaksanakan.

Aras Menganalisis [4 *markah*]

(c) Cadangkan langkah-langkah untuk mengukuhkan ekonomi negara kita.

Memanfaatkan hasil hutan dan hasil bumi negara.

Melibatkan diri dalam perdagangan antarabangsa.

Menggalakkan penglibatan rakyat / belia dalam bidang perdagangan.

Menghapuskan amalan rasuah.

Menyediakan infrastruktur yang lengkap / canggih di seluruh negara.

(*Mana-mana jawapan yang munasabah*)

Aras Menilai [4 *markah*]

**2.** (a) Nyatakan **tiga** strategi yang digunakan oleh Belanda untuk menguasai negara kita.

BAB 1 Buku Teks ms. 19

(i) Serangan fizikal

(ii) Pakatan

(iii) Perjanjian

Aras Memahami [3 *markah*]

(b) Bagaimanakah British menggunakan strategi manipulasi untuk campur tangan di negara kita?

BAB 1 Buku Teks ms. 21

Menggunakan peristiwa perebutan takhta di Perak pada tahun 1871 untuk campur tangan di Perak.

Menggunakan peristiwa rompakan kapal dagang British dan serangan ke atas rumah api di Tanjung Rachado sebagai alasan untuk campur tangan di Selangor.

Mengambil kesempatan berikutan konflik antara pembesar di Sungai Ujong untuk campur tangan di Negeri Sembilan.

Aras Menganalisis [3 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(c) Sekiranya anda pembesar negara, bagaimanakah anda dapat mengelakkan negara kita daripada dimanipulasi oleh kuasa luar?

Melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan.

Meningkatkan tahap pendidikan negara.

Sentiasa memberikan kesedaran kepada rakyat.

Memastikan kekayaan negara dinikmati bersama oleh semua rakyat.

Sentiasa memelihara keamanan dan kestabilan negara.

*(Mana-mana jawapan yang munasabah)* Aras Menilai [4 *markah*]

**3.** British berjaya menduduki Pulau Pinang pada tahun 1786.

(a) Nyatakan **tiga** kepentingan Pulau Pinang kepada British.

BAB 2 Buku Teks ms. 32

(i) Pusat pengumpulan barang dari Alam Melayu seperti emas, perak, bijih timah dan rempah-ratus.

(ii) Pelabuhan persinggahan untuk kapal dagang British sementara menunggu peralihan angin monsun.

(iii) Pangkalan tentera untuk mempertahankan petempatan British di Madras.

Aras Memahami [3 *markah*]

(b) Pada tahun 1800, Gabenor Pulau Pinang, George Leith mendesak Sultan Kedah, Sultan Dhiauddin (1798-1804) menandatangani perjanjian dengan British.

BAB 2 Buku Teks ms. 35

Jelaskan kesan yang dibawa oleh perjanjian tersebut.

British menduduki Seberang Perai.

Kekuasaan British di Pulau Pinang bertambah kukuh.

British menjadikan Seberang Perai sebagai benteng pertahanan.

Seberang Perai menjadi kawasan pertanian bagi membekalkan sumber makanan kepada penduduk di Pulau Pinang.

*(Pilih mana-mana tiga jawapan)* Aras Menganalisis [3 *markah*]

(c) Apakah iktibar yang diperoleh daripada peristiwa pendudukan British di Pulau Pinang?

Sentiasa berwaspada terhadap tindakan kuasa luar.

Perpecahan rakyat membuka pintu kepada penjajahan kuasa luar.

Bersatu kita teguh bercerai kita roboh.

Sentiasa mempertahankan keistimewaan yang sedia ada.

*(Mana-mana jawapan yang munasabah)* Aras Menilai [4 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**4.** Negeri-negeri Selat yang terdiri daripada Pulau Pinang, Singapura dan Melaka.

(a) Nyatakan sebab-sebab British membentuk Negeri-negeri Selat.

BAB 2 Buku Teks ms. 47

Menjimatkan perbelanjaan.

Menyeragamkan pentadbiran.

Menguasai keseluruhan Selat Melaka.

Taraf pelabuhan bebas Negeri-negeri Selat dapat menarik kedatangan pedagang tempatan dan luar Alam Melayu.

(*Pilih mana-mana tiga jawapan*) Aras Memahami [3 *markah*]

(b) Melalui Negeri-negeri Selat, British turut mengukuhkan hubungan ekonomi dengan negeri-negeri Melayu.

Huraikan jalinan hubungan tersebut.

BAB 2 Buku Teks ms. 47

Negeri-negeri Selat memerlukan hasil ekonomi negeri-negeri Melayu untuk memajukan perdagangan.

Pelabur Negeri-negeri Selat melabur modal bagi memajukan perlombongan bijih timah di negeri-negeri Melayu.

Negeri-negeri Melayu memerlukan pelabuhan Negeri-negeri Selat untuk memperdagangkan hasil ekonomi.

Aras Menganalisis [3 *markah*]

(c) Jelaskan pengajaran yang dapat anda pelajari daripada pembentukan Negeri-negeri Selat.

Pembentukan Negeri-negeri Selat menunjukkan kepentingan perancangan strategi yang rapi.

Pihak penjajah menggunakan pelbagai strategi untuk mengukuhkan kedudukan mereka.

Kita hendaklah sentiasa cakna dengan perancangan strategi kuasa luar.

Kita hendaklah mempertahankan negara daripada ancaman kuasa luar / kedaulatan negara.

Semua warganegara hendaklah bersatu padu / bermuafakat / bekerjasama bagi menghadapi ancaman musuh negara.

(*Mana-mana jawapan yang munasabah*) Aras Menilai [4 *markah*]

## BAHAGIAN C

**1.** Perjanjian London 1824 ditandatangani bagi menangani persaingan di Alam Melayu.

BAB 2 Buku Teks ms. 42 – 45

(a) Nyatakan syarat-syarat Perjanjian London 1824. Aras Memahami [6 *markah*]

(b) Bagaimanakah Perjanjian London 1824 memberikan kesan kepada Alam Melayu? Aras Menganalisis [6 *markah*]

(c) Cadangkan langkah-langkah untuk mengelakkan negara kita daripada dicerobohi kuasa luar. Aras Menilai [8 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# UJIAN PERTENGAHAN SESI AKADEMIK

UPSA

Skor /80

**Bahagian A**
[20 *markah*]
*Jawab* **semua** *soalan.*

**1.** Senarai berikut berkaitan dengan sistem timbangan yang digunakan dalam masyarakat Melayu tradisional.

- 12 saga = 1 mayam
- 16 mayam = 1 bungkal
- 12 bungkal = 1 kati

Apakah barang dagangan yang ditimbang melalui sistem timbangan tersebut?
**A** Beras
**B** Emas
**C** Minyak
**D** Batu permata

**2.** Senarai berikut berkaitan dengan kekayaan hasil bumi di Alam Melayu.

- Emas
- Bijih timah
- Rempah-ratus

Mengapakah pedagang Eropah berusaha mendapatkan hasil bumi tersebut?
**A** Berdagang dengan China
**B** Mendapat harga tinggi di pasaran
**C** Barang dagangan yang menguntungkan
**D** Keperluan utama Revolusi Perindustrian

**3.** Mengapakah kuasa Barat berlumba-lumba datang ke negara kita untuk mendapatkan getah asli pada abad ke-19 dan ke-20?
**A** Mutu getah asli negara kita terbaik
**B** Kemunculan perusahaan kereta di Eropah
**C** Negara kita pengeluar getah terbesar dunia
**D** Pembesar tempatan berjaya memajukan perusahaan getah

**4.** Mengapakah kuasa Barat menggunakan slogan berikut?

- Beban Orang Putih
- Tugas Menyebarkan Tamadun

**A** Memudahkan dasar penjajahan
**B** Melariskan barangan keluaran Eropah
**C** Mendapatkan sokongan pembesar Eropah
**D** Mengelakkan penentangan penduduk peribumi

**5.** Apakah peristiwa yang menunjukkan strategi pakatan dalam penguasaan kuasa Barat terhadap negara kita?
**A** British mendapatkan Melaka
**B** Kejadian di Tanjong Rachado
**C** Konflik pembesar di Sungai Ujong
**D** Penyerahan Singapura kepada British

**6.** Apakah kepentingan Pulau Pinang kepada SHTI?
I Pangkalan tentera
II Pusat pentadbiran
III Kawasan pertanian
IV Pelabuhan persinggahan
**A** I dan II
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV

**7.** Maklumat berikut berkaitan dengan pendudukan Singapura oleh British.

> Belanda membantah pendudukan Singapura oleh British kerana mendakwa Singapura berada di bawah pengaruhnya.

Bagaimanakah penyelesaian tersebut dicapai?
**A** Perlumbaan senjata
**B** Menjalinkan persahabatan
**C** Menandatangani perjanjian
**D** Merujuk kepada Sultan Johor

**8.** Antara berikut, yang manakah kesan Perjanjian London 1824 kepada British?
I Menguasai Betawi
II Mengambil alih Melaka
III Meluaskan kuasa ke Tanah Melayu
IV Mengukuhkan kuasa di Kepulauan Riau Lingga
**A** I dan II
**B** I dan IV
**C** II dan III
**D** III dan IV

**9.** Siapakah yang mengetuai pentadbiran Negeri-negeri Selat?
**A** Residen
**B** Gabenor
**C** Gabenor Jeneral
**D** Residen Konsular

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**Bahagian B**
[40 *markah*]
*Jawab* **semua** *soalan.*

**1.** Rajah berikut menunjukkan sistem pendidikan masyarakat Melayu sebelum kedatangan kuasa Barat.

| Pendidikan masyarakat Melayu | |
|---|---|
| | Pendidikan tidak formal |
| | Pendidikan formal |

(a) Nyatakan **tiga** tempat pelaksanaan pendidikan formal.

(i) Istana

(ii) Masjid / Surau

(iii) Madrasah / Pendidikan pondok

(*Pilih mana-mana tiga jawapan*) [3 *markah*]

(b) Apakah matlamat pendidikan kepada masyarakat Melayu ketika itu?

Melahirkan individu yang berakhlak mulia / berkelakuan sopan / berhemah tinggi.

Membentuk generasi yang berdikari.

Menerapkan kemahiran bercucuk tanam / menangkap ikan / bertukang.

Pembelajaran al-Quran / hadis / bahasa Arab / tajwid / fekah.

(*Pilih mana-mana tiga jawapan*) [3 *markah*]

(c) Sistem pendidikan tidak formal penting diteruskan pada masa ini.
Berikan ulasan anda untuk menyokong pernyataan tersebut.

Asuhan keluarga pada peringkat awal untuk melahirkan anak-anak yang berakhlak mulia.

Didikan awal seperti bersopan dan menghormati orang tua.

Anak-anak dilatih dengan kemahiran hidup seperti memasak / membersihkan rumah dan pakaian.

Memupuk sikap berdikari dalam diri anak-anak.

(*Mana-mana jawapan yang munasabah*) [4 *markah*]

**2.** Pada tahun 1826, Pulau Pinang, Singapura dan Melaka digabungkan dalam satu unit pentadbiran yang dikenali sebagai Negeri-negeri Selat.

(a) Nyatakan **dua** matlamat pembentukan Negeri-negeri Selat.

(i) Menjimatkan perbelanjaan.

(ii) Menyeragamkan pentadbiran.

[2 *markah*]

(b) Apakah kepentingan pembentukan Negeri-negeri Selat kepada British?

British dapat menguasai keseluruhan Selat Melaka.

Taraf pelabuhan bebas Negeri-negeri Selat menarik kedatangan pedagang.

Menjadi pusat pengumpulan hasil bumi Alam Melayu.

Hasil bumi Alam Melayu mengimbangi perdagangan British dengan China.

Menyaingi pelabuhan Belanda di Alam Melayu.

(*Pilih mana-mana empat jawapan*) [4 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(c) Sebagai rakyat Malaysia yang setia, apakah peranan kita untuk mempertahankan pemerintahan kerajaan persekutuan di negara kita?

Menghormati perlembagaan negara.

Mengamalkan prinsip Rukun Negara.

Mengeratkan perpaduan.

Mengamalkan cara hidup demokratik.

*(Mana-mana jawapan yang munasabah)* [4 *markah*]

**Bahagian C**

[20 *markah*]

*Jawab mana-mana* **satu** *soalan daripada bahagian ini.*

**1.** Kestabilan dan kemakmuran negara kita telah menyebabkan kuasa-kuasa Barat berminat untuk mengaut kekayaan tersebut.

(a) Jelaskan faktor-faktor kedatangan kuasa Barat ke negara kita pada abad ke-16. [6 *markah*]

(b) Abad ke-19 dan ke-20 menyaksikan peningkatan kedatangan kuasa Barat ke negara kita.
Terangkan sebab-sebab berlakunya peningkatan tersebut. [6 *markah*]

(c) Sejarah menunjukkan bahawa kuasa Barat telah menggunakan pelbagai strategi untuk menguasai negara kita.
Cadangkan usaha-usaha untuk mengelakkan peristiwa seperti itu daripada berulang. [8 *markah*]

**2.** Rajah berikut berkaitan dengan pembentukan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu (NNMTB).




(a) Johor berupaya mempertahankan kedaulatannya sehingga tahun 1914.
Bagaimanakah pemerintah Johor mampu mempertahankan kedaulatannya? [6 *markah*]

(b) Terangkan ciri-ciri Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu. [6 *markah*]

(c) Pelaksanaan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu adalah lebih baik berbanding dengan Negeri-negeri Melayu Bersekutu.
Huraikan pernyataan tersebut. [8 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

# UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK

UASA

Skor

/80

**Bahagian A**
[20 *markah*]
*Jawab* **semua** *soalan.*

**1.** Apakah peranan Penggawa dalam kerajaan Melayu?
- **A** Menjaga keamanan daerah
- **B** Menyampaikan arahan raja
- **C** Menyediakan hasil dagangan
- **D** Mengekalkan kedaulatan negeri

**2.** Rajah berikut menunjukkan perubahan permintaan hasil bumi Alam Melayu di Eropah.

| Abad ke-16 | → | Abad ke-19 |
|---|---|---|
| Rempah ratus | | Getah |

Apakah faktor yang membawa kepada perubahan tersebut?
- **A** Penggunaan kapal wap
- **B** Kekurangan pekerja ladang
- **C** Perkembangan industri kereta
- **D** Kemerosotan permintaan rempah

**3.** Apakah tujuan British menduduki Seberang Perai pada tahun 1800?
- I Benteng pertahanan
- II Kawasan pembekal makanan
- III Melemahkan Kesultanan Kedah
- IV Memajukan pelabuhan di Pulau Pinang
- **A** I dan II
- **B** I dan IV
- **C** II dan III
- **D** III dan IV

**4.** Mengapakah Stamford Raffles mengiktiraf Tengku Hussein sebagai Sultan Johor Riau?
- **A** Menegakkan keadilan
- **B** Muslihat untuk menduduki Singapura
- **C** Mengukuhkan pengaruh British di Johor
- **D** Memberikan sokongan kepada Tengku Hussein

**5.** Mengapakah pentadbiran Negeri-negeri Selat di bawah Pejabat India dipindahkan ke Pejabat Tanah Jajahan London pada tahun 1867?
- **A** Bantahan saudagar Negeri-negeri Selat
- **B** Undang-undang British tidak dikuatkuasakan
- **C** Pentadbiran diketuai oleh pembesar tempatan
- **D** Menjadikan Negeri-negeri Selat pusat pengumpulan pedagang

**6.** Apakah kesan Perang Larut terhadap Perak?
- **A** Campur tangan British
- **B** Kemerosotan pentadbiran
- **C** Perdagangan bijih timah meningkat
- **D** Pelaksanaan undang-undang Barat

**7.** Apakah faktor pembentukan Negeri-negeri Melayu Bersekutu?
- I Menyeragamkan pentadbiran
- II Menguasai negeri-negeri Melayu
- III Mengembalikan kuasa raja Melayu
- IV Menangani masalah kewangan Pahang
- **A** I dan II
- **B** I dan IV
- **C** II dan III
- **D** III dan IV

**8.** Mengapakah penubuhan Majlis Mesyuarat Persekutuan menjejaskan kewibawaan Raja-raja Melayu?
- **A** Dilarang mengutip cukai
- **B** Dilantik menjadi ahli biasa
- **C** Dilucutkan gelaran sultan
- **D** Mengehadkan perbelanjaan negeri

**9.** Maklumat berikut berkaitan dengan Kesultanan Kelantan.

> Maharaja Siam mengurniakan gelaran Phya Pipit Pakdi kepada Sultan Muhammad I pada tahun 1812.

Apakah kesan tindakan tersebut?
- **A** Kemajuan perdagangan
- **B** Pengukuhan pertahanan
- **C** Hilang kedaulatan negeri
- **D** Penamatan institusi beraja

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

**Bahagian B**
[40 *markah*]
*Jawab* **semua** *soalan.*

**1.** British membentuk Negeri-negeri Selat bagi mengukuhkan kuasanya di Pulau Pinang, Singapura dan Melaka.

(a) Terangkan ciri-ciri pentadbiran Negeri-negeri Selat di bawah kerajaan British di India.

Pentadbiran diketuai oleh Gabenor.

Residen Konsular dilantik membantu Gabenor dalam urusan pentadbiran.

Pulau Pinang menjadi pusat pentadbiran Negeri-negeri Selat yang pertama.

[3 *markah*]

(b) Mengapakah unit pentadbiran tersebut berpindah ke Pejabat Tanah Jajahan British di London pada tahun 1867?

Tiada wakil Negeri-negeri Selat dalam Majlis Perundangan di India.

Pejabat India gagal mengawal masalah rompakan kapal dagang di Negeri-negeri Selat.

Pejabat India mahu menjadikan mata wang rupee India sebagai mata wang rasmi Negeri-negeri Selat.

Pejabat India menjadikan Negeri-negeri Selat tempat buangan banduan.

(*Pilih mana-mana tiga jawapan*) [3 *markah*]

(c) Jelaskan pengajaran yang anda peroleh daripada sejarah pembentukan unit pentadbiran tersebut.

Membuat perancangan yang strategik bagi menjamin kejayaan dalam sesuatu tindakan.

Mempertahankan negara daripada ancaman atau serangan musuh.

Sentiasa cakna dengan perancangan kuasa asing.

Bersatu padu, bermuafakat dan bekerjasama untuk menghadapi musuh negara.

Bijak menyusun strategi untuk mencapai cita-cita masa depan.

(*Mana-mana jawapan yang munasabah*) [4 *markah*]

**2.** British dapat melaksanakan Sistem Residen di Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang melalui pelbagai strategi peluasan kuasa.

(a) Namakan Residen British di negeri berikut:

(i) Perak : J.W.W. Birch

(ii) Pahang : J.P. Rodger

(iii) Selangor : J.G. Davidson

[3 *markah*]

(b) Jelaskan peranan Residen.

Menasihati Raja-raja Melayu dalam semua hal ehwal pentadbiran.

Kecuali yang berkaitan dengan agama Islam dan adat istiadat Melayu.

Semua nasihat mesti dipatuhi dan diikuti.

[3 *markah*]

© Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

(b) Nyatakan kesan-kesan sosial akibat perkembangan ekonomi di negara kita.

Berlaku perkembangan bandar yang pesat.

Masyarakat berbilang kaum terbentuk.

Berlaku pelbagai perkembangan dalam bidang pendidikan.

Perkhidmatan kesihatan mula mendapat perhatian.

Penjara dibina untuk memelihara keamanan.

(*Pilih mana-mana tiga jawapan*) [3 *markah*]

(c) Cadangkan usaha-usaha untuk memajukan diri dalam bidang ekonomi.

Mengamalkan sikap keterbukaan

Bersedia menerima perubahan.

Sentiasa memperbaharui dan meningkatkan ilmu pengetahuan.

Bijak mengatur tindakan dan strategi.

Menerima perbezaan pendapat.

(*Mana-mana jawapan yang munasabah*) [4 *markah*]

## Bahagian C

[40 *markah*]

*Jawab mana-mana* **dua** *soalan daripada bahagian ini.*

**1.** Perubahan dalam sistem pentadbiran tempatan berikutan campur tangan British telah menyebabkan masyarakat tempatan tidak berpuas hati dan bangkit menentang.

(a) Terangkan proses penentangan tokoh berikut:
(i) Rentap [3 *markah*]
(ii) Mat Salleh [3 *markah*]

(b) Mengapakah penentangan masyarakat tempatan menemui kegagalan? [6 *markah*]

(c) Jelaskan kepentingan menghayati jasa tokoh tempatan menentang kuasa Barat. [8 *markah*]

**2.** Pelbagai strategi digunakan oleh Raja-raja Melayu bagi melindungi kepentingan bangsa dan kedaulatan negeri dalam menghadapi cabaran kuasa Barat.

(a) Huraikan strategi Raja-raja Melayu bagi membela nasib dan kepentingan bangsa melalui Durbar. [6 *markah*]

(b) Jelaskan kejayaan Maharaja Abu Bakar menangani tekanan daripada penjajah British melalui diplomasi. [6 *markah*]

(c) Kesepakatan dan kebijaksanaan Raja-raja Melayu dan pembesar negeri menangani cabaran kuasa Barat telah berjaya mempertahankan kedaulatan negeri.
Apakah iktibar yang anda peroleh daripada kejayaan tersebut? [8 *markah*]

© *Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.*